

aab

MAHATHIR : PERBELANJAAN MESTI IKUT PERATURAN
Mahathir - belanja

KUALA LUMPUR, 8 Nov (Bernama) -- Perbelanjaan wang kerajaan dan agensi-agensinya mesti mengikut peraturan bagi mengelakkan masalah, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Adalah tidak betul anggapan yang menyatakan selagi ada peruntukan, ia harus dibelanjakan tanpa perlu disimpan-simpan, katanya kepada pemberita selepas merasmikan Perhimpunan Agung Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Datuk Seri Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, berkata demikian ketika diminta mengulas hujah seorang perwakilan semasa perbahasan pada Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda semalam yang mahukan agensi-agensi kerajaan terutama MARA membeli anjakan segala peruntukan yang disidai akan bagi Bumiputera.

+Tak adalarangan terhadap pembelian anjakan wang yang diperuntukkan untuk dibelanjakan tetapi dalam kerajaan kita ada peraturan tertentu,+ katanya.

Menjawab satu lagi hujah yang dibangkitkan pada perbahasan itu mengenai sukarnya bagi anggota parti untuk bertemu menteri-menteri dari parti itu, Datuk Seri Dr Mahathir memberikan jaminan bahawa keadaan di negara ini jauh lebih baik daripada negara lain. -- Lagi

♥08/11/14-05MST

aab

Mahathir - belanja 2 Kuala Lumpur (akhir)

+Kalau dibandingkan antara menteri di Malaysia, bukan sahaja dari Umno termasuk Perdana Menteri, dengan menteri-menteri dan Perdana Menteri di negara lain, amat sukar sekali untuk mereka berjumpa dengan menteri mereka,+ katanya.

Malahan, kata Datuk Seri Dr Mahathir, ada pelawat asing termasuk menteri-menteri menyatakan kehairanan mereka kepadanya kerana begitu mudah sekali rakyat di negeri ini bertemu dengan para pemimpin.

+Bahkan Perdana Menteri pun pergi juga ke pasaraya membeli-belah. Ini tak berlaku di negara lain,+ katanya.

Katanya, bagi mereka yang tidak dapat berjumpa dengan menteri sudah tentu berasa tidak puas hati walaupun mereka tahu menteri-menteri tidak dapat menjalankan tugas jika sentiasa sahaja berjumpa rakyat yang jumlahnya berjuta-juta orang di negara ini.

Mengenai bermacam-macam gelaran sanjungan yang diberikan kepadanya oleh para perwakilan, Datuk Seri Dr Mahathir berkata beliau tidak hendak supaya diberi apa-apa gelaran.

+Macamanapun saya nasihat, ada juga orang nak bagi gelaran...apa saya nak buat,+ katanya.

Pergerakan Pemuda UMNO semalam meluluskan satu usul tergegar memberikan gelaran kepada Perdana Menteri sebagai 'Arkitek Malaysia Modern'. -- Bernama

♥08/11/14-08MST